



# **INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES**

**2020**





## INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

### Contents

#### Foreword

*Khairil Azwar Razali*

#### English Articles

Factors Affecting Willingness to Communicate in English Among Universiti Kebangsaan Malaysia Students

*Muhamad Faizal Salim and Al Amirul Eimer Ramdzan Ali*

A Study on Gender Differences in Emoji Usage

*Rawdhah Paiz*

University Students' Perceptions on Smiles from Strangers of Different Gender

*Nur Ameera Najihah Mohd Ghazalee and Khairil Azwar Razali*

#### Artikel Bahasa Malaysia

Analisis Deiksis dalam Novel 9 Nyawa: Satu Analisis Pragmatik

*Maryam Nabilah Alias dan Nurul Jamilah Rosly*

Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh.

*Siti Humairah Abdul Rahaman dan Nora'Azian Nahar*

Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif

*Muhammad Nor Sahfiq Amran dan Julaina Nopiah*

Leksikal 'Ayam' dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

*Eli Aima Shazila Amran dan Julaina Nopiah*

Percampuran Kod dalam Filem Paskal *The Movie*

*Nur Iliyani Natasha Abdul Halim dan Nora'Azian Nahar*

## **Arabic Articles**

The Difficulties and Challenges of Understanding Arabic Magazines among Students Majoring in Arabic for International Communication

*Muhammad Shafiq bin Shams al-Din and Salih Mahgoub Mohamed Eltingari*

Weakness in gathering information in writing scientific research for students Specialists in the Arabic language at the International Islamic University Malaysia: Problems and Solutions

*Shafiq Khairy bin Saadoun and Salih Mahgoub Mohamed Eltingari*



## **Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif**

**Muhammad Nor Sahfiq Amran<sup>1</sup>, Julaina Nopiah<sup>1\*</sup>**

<sup>1</sup>*Kuliah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

*\*Corresponding author's email: [julainanopiah@iium.edu.my](mailto:julainanopiah@iium.edu.my)*

### **ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan mencungkil falsafah dan juga akal budi Melayu yang tersirat dalam peribahasa berunsurkan burung. Berdasarkan data, terdapat empat peribahasa terpilih berunsurkan variasi burung berbeza iaitu pipit, enggang, pegar dan juga pungguk. Kesemua data diambil daripada pengkalan data [www.malaycivilization.com](http://www.malaycivilization.com) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pendekatan semantik inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang diaplikasikan dalam penganalisisan data. Gabungan data, teori, falsafah dan budaya dapat menghasilkanuraian makna peribahasa Melayu yang akhirnya mencerminkan akal budi penuturnya. Hasil kajian mendapati unsur burung yang berfungsi sebagai perlambangan dalam peribahasa Melayu mempunyai perkaitan yang rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri. Pengamatan yang teliti oleh masyarakat Melayu terhadap alam sekeliling menyumbang kepada pemikiran kritis untuk menyampaikan mesej dalam bentuk tersirat dan penuh kesantunan. Pelbagai ilmu dan falsafah yang tersirat dalam peribahasa Melayu berjaya dicungkil menerusi pendekatan semantik inkuisitif.

*Kata kunci:* *peribahasa melayu, burung, akal budi melayu, semantic inkuisitif, rangka rujuk silang*

### **PENGENALAN**

Bahasa pada pandangan masyarakat Melayu adalah cerminan dan refleksi keperibadian seseorang. Penggunaan kata-kata yang baik, aturan bicara yang tersusun serta disulam elemen kesantunan merupakan komponen asas dalam komunikasi budaya Melayu. Perkara ini seiring dengan pendapat Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurashikin Wan Ismail (2016), yang mengatakan bahawa bahasa pada norma masyarakat Melayu adalah paparan tingkah laku dan jiwa penuturnya, seterusnya mencerminkan akal budi penuturnya. Secara umum, kita mengetahui bahawa orang Melayu terkenal dengan menjaga kata-kata ketika berkomunikasi antara satu dengan yang lain dan sebolehnya menghalang diri daripada melontarkan ujaran yang berpotensi mengguris hati lawan tutur. Menurut Asmah Omar (1986), masyarakat Melayu memberi perhatian yang penuh kepada bahasanya kerana itu merupakan cara orang Melayu mentakrif diri, memahami penciptaan

Muhammad Nor Sahfiq & Julaina Nopiah (2020). Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.

alam, merangka pandangan hidup dan juga membentuk tamadun melalui proses konseptual yang dibentuk oleh akal dan minda.

Situasi sebegini mendorong orang Melayu bersifat kreatif menggunakan kiasan dalam bicara mereka. Dalam bahasa Melayu, bahasa kiasan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu peribahasa dan juga bukan peribahasa. Peribahasa dalam budaya kehidupan Melayu merupakan cabang kekayaan bahasa yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dan merupakan ungkapan yang mempunyai makna tersirat berfungsi untuk memberikan sesuatu pengajaran. Ini bertepatan dengan pendapat Za'ba (1965) yang mengatakan bahawa peribahasa ialah:

*'...segala susunan cakap pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya-dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran.'*

Penggunaan peribahasa dalam kehidupan masyarakat Melayu juga berfungsi untuk mendidik, menyampaikan teguran dan nasihat, menyatakan hasrat hati serta menzahirkan perasaan tentang sesuatu. Melalui susunan kata yang indah dalam peribahasa, mereka memuji, menyindir, menyanggah atau menegur dengan pendekatan yang paling halus tanpa menjatuhkan air muka orang yang dilawan tutur, tetapi memberikan kesan dan impak yang begitu mendalam.

Namun begitu, masyarakat Melayu moden pada masa kini tidak begitu memahami serta menguasai dengan begitu baik makna peribahasa, malahan berkemungkinan besar tidak mengetahui kewujudan sebahagian peribahasa yang menjadi kelaziman bagi masyarakat Melayu terdahulu. Hal ini demikian kerana masyarakat kini lebih terdedah dengan kemudahan teknologi canggih serta bangunan-bangunan pencakar langit berbanding kehidupan mencintai alam, kehijauan rimba, haiwan dan ternakan yang diasimilasikan dalam perlambangan peribahasa. Maka, pencungkilan terhadap akal budi Melayu dalam peribahasa melalui kajian-kajian semantik memberi ruang kepada masyarakat Melayu moden untuk menguasai cabang kekayaan bahasa Melayu supaya tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Berdasarkan pembacaan serta penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, ramai pengkaji tempatan menelusuri dan mendalami penggunaan peribahasa serta akal budi Melayu yang digunakan dalam kehidupan seharian. Perkara ini jelas membuktikan bahawa pengkaji-pengkaji tempatan sudah tidak asing lagi dengan kajian peribahasa, malahan berani untuk mengetengahkan pendekatan ataupun konsep yang berbeza dalam kajian mereka. Namun begitu, setiap kajian yang dilakukan mempunyai tetapan matlamat serta daptan yang berbeza mengikut kesesuaian bidang masing-masing.

Terdapat pelbagai kajian peribahasa yang memfokuskan unsur haiwan sebagai perlambangan dalam sesuatu peribahasa. Kajian-kajian seperti ini merungkai sebab dan relevannya penggunaan sesuatu haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa yang wujud. Tambahan lagi, pendekatan semantik banyak digunakan untuk memahami makna sesuatu peribahasa dengan lebih mendalam. Namun, kajian-kajian sebelum ini banyak tertumpu kepada kajian peribahasa yang mengandungi haiwan lain seperti ikan, belut, musang dan sebagainya, tetapi kurang kajian yang menumpukan sepenuhnya terhadap unsur burung. Walhal dalam budaya Melayu, burung merupakan unsur alam yang mempunyai kaitan dan hubungan yang dekat dengan kehidupan

masyarakat Melayu. Lihat sahaja lirik-lirik lagu Melayu klasik, pantun dan sajak Melayu, pasti ada unsur burung yang menjadi pelengkap indahnya karya-karya Melayu. Umumnya, banyak kajian tempatan hanya memilih beberapa kelompok spesis haiwan tertentu untuk dikaji dan dimuatkan dalam satu kajian yang sama. Namun, terdapat satu kajian tempatan yang mengkaji unsur unggas sebagai perlambangan digunakan dalam peribahasa Melayu. Muhammad Zaid Bin Daud (2020), melakukan satu kajian berkaitan unsur unggas dalam peribahasa Melayu yang menggunakan pendekatan analisis semantik inkuisitif. Secara ringkasnya, kajian ini memuatkan sebanyak 207 jenis unggas yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini membahagikan unsur unggas kepada empat kategori subunggas iaitu ayam (*Gallus gallus domesticus*), burung (*aves*), itik (*Anas platyrhynchos*) dan juga angsa (*Anserini*). Bilangan spesis unggas yang banyak dibahagikan kepada empat subunggas bertujuan untuk memudahkan daptan kajian diperoleh. Maka, dapat disimpulkan kajian ini tidak mengkhususkan data terhadap kelompok unsur burung sahaja tetapi melihat kepada kelompok unggas secara am dan menyeluruh.

Justeru itu, kajian ini akan menumpukan unsur burung sebagai intipati kajian berlandaskan kaedah semantik inkuisitif berserta penghuraian makna yang lebih mendalam melalui pemikiran akal budi masyarakat Melayu.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian yang telah ditetapkan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengumpul dan mengkategorikan peribahasa berobjekkan ‘burung’ daripada pengkalan data.
2. Menganalisis makna peribahasa yang berobjekkan ‘burung’ dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.
3. Mencungkil akal budi Melayu dalam peribahasa yang berobjekkan burung.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **a) Kajian Peribahasa Berobjekkan Haiwan**

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasilin Wan Ismail (2016) dalam Jurnal Antarabangsa Dunia dan Tamadun Melayu, telah menghasilkan satu kajian peribahasa Melayu berobjekkan ikan. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk menghurai pemikiran akal budi masyarakat Melayu. Data kajian yang diperoleh telah dibahagikan kepada dua kategori berbeza iaitu peribahasa yang berobjekkan ikan secara umum dan juga khusus kepada jenis ikan. Selain itu, kajian ini mendapati kebanyakan ikan yang digunakan dalam peribahasa Melayu merupakan ikan jenis sungai, tasik, paya serta air tawar. Perkara ini berkaitan dengan dengan pekerjaan masyarakat Melayu sebagai petani dan juga nelayan. Selanjutnya, daptan kajian menyatakan masyarakat Melayu pada ketika itu tidak memerlukan pendidikan formal untuk mengetahui khasiat yang terkandung pada ikan.

Muhammad Zaid Daud (2018), seorang pengkaji daripada Universiti Malaysia Sarawak menjalankan satu kajian peribahasa berobjekkan Aves dan khusus terhadap domain rezeki sahaja. Aves dapat dikategorikan sebagai haiwan yang mempunyai sayap, sama ada boleh terbang mahupun tidak, mempunyai paruh, berkaki dua, berdarah panas dan juga bertelur. Berikutnya, kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa serta menjawab segala persoalan tentang rasionalnya objek burung dalam penciptaan peribahasa

Muhammad Nor Sahfiq & Julaina Nopiah (2020). Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.

Melayu. Penganalisisan data dibahagikan kepada empat kategori iaitu peribahasa Melayu berunsurkan ayam, burung, itik dan juga angsa. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keempat-empat kelompok Aves di atas membuktikan perkaitannya dengan masyarakat Melayu misalnya, keuntungan yang diperoleh orang Melayu sekiranya ternakan ayam mereka bertelur. Konteks ini jelas membuktikan wujudnya domain rezeki serta kesesuaian perlambangan ayam dalam peribahasa ‘bagai ayam bertelur di atas padi’.

Tambahan lagi, Muhammad Zaid Daud (2018) juga menjalankan satu lagi kajian peribahasa berobjekkan haiwan yang meneliti secara khusus unsur ayam dan juga musang. Pengkaji ini sekali lagi menerapkan pedekatan semantik inkuisitif sebagai panduan untuk menganalisis dapatan kajian. Namun begitu, kajian ini mempunyai sedikit kelainan daripada kajian sebelumnya kerana pengkaji tidak lagi menumpukan satu sahaja domain dalam pemilihan peribahasa. Dapatan kajian menunjukkan pengkaji menganalisis peribahasa berdasarkan penggolongan empat domain yang berlainan iaitu keuntungan, khianat, berhati-hati atau teliti serta sia-sia. Pengkaji juga merujuk kepada konsep domain yang telah diperkenalkan oleh Fishman dan Greenfield (1970) dalam kajian mereka terdahulu yang bertajuk ‘*Situational Measures of Normative Language Views in Relation to Person, Place and Topic Among Puerto Rican Bilinguals*’.

Selain itu, Nur Izzati Bt Rozman dan Nor Azilawati Bt Mohd Noor (2018) mengkaji belut dalam peribahasa Melayu secara khusus. Kesemua data peribahasa berobjekkan belut telah dipilih dan pengkaji mengecilkan lagi skop kajian mereka terhadap domain sikap atau tingkah laku sahaja. selain itu, kajian ini juga menjadikan pendekatan semantik inkuisitif sebagai panduan untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan. Dapatan kajian menunjukkan pemerhatian masyarakat Melayu terhadap ciri-ciri fizikal, habitat serta cara hidup belut diasimilasikan dengan baik sebagai perlambangan dalam peribahasa. Pengkaji juga menganalisis peribahasa yang menemukan belut dan juga ular dalam satu peribahasa yang sama. Perbezaan terhadap dua jenis haiwan ini diuraikan dengan baik berdasarkan ciri-ciri fizikal serta lumrah kehidupan yang melengkapkan makna peribahasa tersebut.

Jika dilihat pada keempat-empat kajian peribahasa berobjekkan ikan di atas, pengkaji cenderung untuk menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk membedah makna peribahasa pada peringkat harfiah sehingga mencapai pemikiran akal budi Melayu. Namun begitu, terdapat kekurangan bagi kaedah penganalisisan data kedua-dua kajian yang dijalankan oleh Muhammad Zaid Daud (2018). Hal ini demikian kerana penghuraian dapatan kajian dilihat tidak mempunyai turutan yang jelas seperti mana pembahagian tahap dalam konsep semantik inkuisitif. Kesemua maklumat dirangkumkan dalam satu penulisan yang padat dan tahap penganalisisan menggunakan semantik inkuisitif tidak dipecahkan dengan baik mengikut peringkat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kajian Muhammad Zaid Daud (2018) mengenai peribahasa berobjekkan ayam dan musang menunjukkan metodologi kajian yang sistematik. Perkara ini dapat dibuktikan apabila pengkaji menerapkan satu lagi konsep iaitu konsep domain yang telah diperkenalkan oleh Fishman dan Greenfield (1970). Hal ini menunjukkan pembahagian domain dalam kajian ini jelas serta kukuh dengan sokongan daripada pendapat sarjana mengenai konsep tersebut.

Berbeza pula dengan kaedah analisis dapatan yang dilakukan bagi kajian peribahasa berobjekkan ikan dan belut. Kedua-dua kajian ini berkemampuan untuk menerangkan makna peribahasa melalui kaedah semantik inkuisitif dengan jelas. Tambahan lagi, penerangan melalui kaedah semantik inkuisitif dibahagikan kepada tiga tahap berbeza iaitu tahap semantik skrip, semantik resonans dan juga semantik inkuisitif. Hal ini memudahkan pembaca untuk memhami bagaimana kaedah tersebut diaplikasikan secara berperingkat dalam penganalisisan data. Satu lagi kelebihan yang dapat pengkaji perhatikan melalui dua kajian ini adalah pembuktian melalui dalil naqli daripada Al-Quran. Pembuktian melalui dalil ini sekaligus membuktikan ada pertalian antara

masyarakat Melayu dengan kepatuhan terhadap agama Islam, serta perkaitan objek tersebut dalam kehidupan mereka.

**b) Kajian Peribahasa Bukan Berobjekkan Haiwan**

Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2018) telah menjalankan satu kajian gastronomi dalam peribahasa Melayu. Menurut Csoban dan Konyves (2015), gastronomi merupakan satu kajian tentang hubungan antara budaya dan makanan. Kajian ini memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif, dan menggunakan rangka rujuk silang (RRS) dalam Teori Relevans. Dapatkan kajian menyatakan bahawa pisang membawa refleksi kebahagiaan dan positif dalam komunikasi implisit manakala daging mengetengahkan ciri-ciri dan sifat perilaku yang negatif. Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan, kewujudan peribahasa Melayu bukan sahaja bersifat abstrak dengan maksud tersirat tetapi mengandungi falsafah dan akal budi yang dijadikan amalan dalam masyarakat Melayu. Aspek pemaknaan dalam peribahasa turut ditunjukkan oleh elemen makanan yang menjadi objeknya. Pemaknaan, ciri dan elemen tertentu dalam sesuatu objek makanan telah diterapkan dalam bentuk komunikasi implisit.

Selain itu, Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk ‘Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu’. Berbeza dengan sorotan literatur yang lain, kajian ini menganalisi data sekunder, iaitu peribahasa Melayu yang diambil daripada buku-buku teks Bahasa Melayu sekolah menengah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Namun, kajian ini tetap menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dapatkan kajian ini hanya berfokus kepada tiga daripada lapan tema yang diperoleh daripada Kamus Peribahasa hasil penulisan Rahman (2017), iaitu tema keluarga dan isi rumah, tema hal-hal kehidupan dan tema untung, nasib dan sia-sia. Tambahan lagi, kajian ini mendapati bahawa semantik inkuisitif merupakan satu kaedah yang dapat digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis dan memahami makna peribahasa dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah sehingga ke akar umbi. Pengkaji juga mengesan bahawa kerangka kajian semantik inkuisitif bukan sahaja menganalisis makna peribahasa secara harfiah dan kognitif, tetapi berjaya membongkar falsafah dan akal budi penutur jati yang tersirat di sebalik setiap ujaran.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kedua-dua kajian di atas, walaupun objek yang terkandung dalam peribahasa bukannya haiwan, kajian-kajian ini masih lagi bertepatan untuk dijadikan rujukan. Hal ini demikian kerana gaya penghuraian analisis yang diadaptasikan dalam kajian menepati kehendak konsep semantik inkuisitif. Tambahan lagi, pengkhususan objek seperti pisang dan daging memudahkan pembaca untuk sentiasa memahami skop perbincangan. Perkara ini wajar dijadikan contoh untuk kajian-kajian baharu supaya analisis yang dilakukan tidak menyeleweng begitu jauh daripada kehendak objektif kajian.

**c) Kajian Akal Budi Melayu**

Junaini Kasdan (2015) telah menjalankan satu kajian yang menggunakan analisis semantik inkuisitif untuk mendalamai unsur asam dan akal budi Melayu. Berdasarkan perbincangan ringkas tentang tiga jenis asam yang berbeza, iaitu asam kandis, asam jawa dan asam gelugur, pengkaji mendapati bahawa buah asam memiliki manfaat dan kegunaan yang sangat luar biasa bagi kesihatan fizikal manusia. Justeru, wajarlah apabila masyarakat Melayu terdahulu memilih asam sebagai pelengkap dalam masakan mereka. Selain itu, ketajaman pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu dan falsafah hidup yang dipegang oleh orang Melayu tidak hanya bersandarkan pengalaman berhubung dengan alam semula jadi tetapi juga pegangan agama yang jitu.

Selanjutnya, Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Bin Hamid (2015) menjalankan kajian mengenai akal budi Melayu dalam mantera. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk untuk mengenal pasti jenis-jenis metafora konsepsi, memetakan gambaran skema imej dan menganalisis akal budi Melayu yang terdapat dalam mantera yang dikaji. Namun, pengkaji menerapkan analisis semantik kognitif berteraskan pengalaman (*experientalist approach*), iaitu pendekatan yang mengambil kira pengalaman lampau serta alam sekeliling. Dapatkan kajian menunjukkan ketiga-tiga jenis metafora konsepsi telah dapat dikenal pasti dalam data mantera Melayu yang telah dipilih. Tambahan lagi, metafora konsepsi struktural dilihat mendominasi bilangan jenis metafora konsepsi dalam data mantera Melayu yang dipilih. Hal ini merujuk kepada lafadz mantera yang terdapat dalam metafora konsepsi struktural kebanyakannya wujud dalam mantera pemanis. Masyarakat Melayu menggunakan mantera pemanis dalam urusan pekerjaan mereka. Justeru, bahasa yang digunakan dalam mantera pemanis mempunyai hubung kait dengan metafora konsepsi struktural iaitu penggunaan bahasa yang banyak terbentuk berdasarkan pengalaman hidup manusia.

Kedua-dua kajian di atas menjadi rujukan pengkaji untuk membuat penghuraian dan penerangan yang berkualiti tentang akal budi Melayu. Secara umumnya, pendekatan semantik inkuisitif juga terdiri daripada pengamatan akal budi Melayu. Namun begitu, satu daripada kajian di atas menggunakan pendekatan semantik kognitif dan tidak mengkaji peribahasa. Tujuan utama pengkaji merujuk kedua-dua kajian akal budi di atas adalah sebagai panduan dalam memberi ulasan terhadap pemikiran akal budi Melayu. Selanjutnya, kajian-kajian ini dapat membuktikan betapa rapatnya pertalian objek yang digunakan dalam peribahasa dan juga mantera, dengan kehidupan serta budaya masyarakat Melayu. Maka, ketajaman fikiran masyarakat Melayu dapat dibuktikan menerusi akal budi yang terkandung di dalamnya.

#### **d) Kajian Elemen Dualisme dalam Peribahasa**

Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2017) daripada Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menjalankan satu kajian peribahasa yang mengandungi elemen dualisme. Seperti kajian-kajian lain yang dirujuk, penyelidikan ini juga mengadaptasi pendekatan semantik inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam penganalisisan data. Dapatkan kajian mendapati gabungan gabungan objek “asam–garam” menunjukkan dualisme yang berbentuk pelengkap manakala objek “padi–lalang” dan “cempedak–nangka” sebagai satu bentuk pertentangan,. Selain itu,, variasi ilmu dan falsafah yang tersirat dalam peribahasa Melayu berjaya dikeluarkan menerusi pendekatan semantik inkuisitif. Kewujudan beribu-ribu ungkapan peribahasa membuktikan kepintaran dan kefahaman masyarakat Melayu meluahkan kata-kata melalui janaan idea berteraskan sesuatu yang ada di sekeliling mereka.

Berikutnya, ketiga-ketiga pengkaji di atas juga menjalankan satu lagi kajian dalam bidang dan skop yang bertajuk “Refleksi Dualisme Objek ‘Durian-Timun’ dalam Peribahasa Melayu”. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian sebelumnya kerana pengkaji masih lagi mengekalkan pendekatan semantik inkuisitif dalam penganalisisan data. Berdasarkan dapatan kajian diperoleh, peribahasa yang mengandungi kombinasi objek ‘durian-timun’ menunjukkan unsur pertentangan bagi makna yang hendak disampaikan. Selain itu, kombinasi ‘durian-timun’, telah mencerminkan domain kuasa dalam elemen pemaknaannya. Perbezaan struktur antara durian dengan timun ini menyebabkan masyarakat Melayu merefleksikan pertentangan kuasa iaitu kuat dan lemah. Durian telah ditafsirkan sebagai kuasa kuat, manakala timun pula telah ditafsirkan sebagai kuasa lemah. Tambahan lagi, perbezaan unsur panas bagi durian dan unsur sejuk bagi timun menjadi salah satu elemen yang mendorong masyarakat Melayu mencerminkan kedua-dua objek ini sebagai perkara yang berlawanan.

Meskipun kedua-dua kajian di atas mengecilkan skop kajian mereka kepada elemen dualisme, penyelidikan tersebut masih lagi relevan dan sesuai untuk dijadikan rujukan. Hal ini demikian kerana kajian tersebut masih berada dalam ruang lingkup pengkajian peribahasa Melayu dan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah menganalisis data. Tambahan lagi, perbandingan yang membuktikan wujudnya unsur dualisme memberi panduan kepada pengkaji untuk menganalisis dua objek berlainan yang terkandung dalam satu-satu peribahasa. Penerapan kaedah analisis semantik inkuisitif dalam kedua-dua kajian elemen dualisme tersebut diterangkan dengan begitu baik mengikut tahap penganalisisan makna.

## **METODOLOGI**

### **a) Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menerapkan kaedah penyelidikan kualitatif yang merujuk kepada penggunaan fakta, tanggapan, pernyataan, maklumat, ulasan, maksud, konsep dan juga ciri-ciri. Penyelidikan kualitatif dilihat lebih sesuai untuk digunakan sejajar dengan objektif kajian yang bertujuan memahami dengan lebih mendalam mengenai makna peribahasa serta mencungkil pemikiran akal budi Melayu. Hal ini bertepatan dengan tujuan kajian kualitatif yang berfungsi untuk meningkatkan kefahaman, menghuraikan kenyataan serta menerangkan asbab sesuatu kejadian atau fenomena itu berlaku.

Selain itu, data bagi kajian kualitatif adalah berbentuk deskriptif. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diperhati adalah bentuk bagi data kualitatif deskriptif. Sehubungan dengan itu, data-data yang diperoleh untuk kajian ini merupakan bentuk penulisan peribahasa yang terkandung dalam segala jenis naskhah prosa klasik, kamus peribahasa dan sebagainya. Sejarah dengan kenyataan dari Patton(1990), bahan bertulis seperti petikan atau dokumen penuh, surat-menyurat, kes sejarah dan juga rakaman adalah contoh bagi jenis data kualitatif.

Maka, reka bentuk kajian yang digunakan iaitu penyelidikan kualitatif adalah tepat bagi kajian peribahasa ini. Selain itu, pendekatan ini juga bersesuaian dengan bidang kajian yang bercorakkan sosiologi, linguistik, bahasa dan juga masyarakat.

### **b) Kaedah Penyelidikan**

#### **i) Kaedah Pengumpulan Data**

Pengkaji menerapkan kaedah ini untuk menghimpunkan segala data yang berkaitan dengan bidang kajian yang dilakukan. Oleh itu kaedah kepustakaan dan juga kaedah analisis teks dilihat lebih sesuai serta memudahkan proses pengumpulan maklumat pada peringkat permulaan kajian.

#### **ii) Kaedah Kepustakaan**

Setiap pengkaji sudah pasti menggunakan kaedah ini kerana kaedah kepustakaan merupakan usaha paling umum untuk mendapatkan informasi serta maklumat-maklumat tambahan berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan. Kaedah ini juga dianggap penting kerana pembacaan yang banyak terhadap bahan bertulis mampu mengurangkan keberangkalian kajian yang dilakukan untuk sama dengan pengkaji terdahulu. Justeru, pengkaji menggunakan sumber daripada bahan bercetak seperti buku-buku ilmiah, jurnal, serta laman sesawang yang berkaitan dengan bidang semantik dan juga peribahasa.

### iii) Kaedah Penganalisisan Data

Berdasarkan batasan kajian yang telah ditetapkan, pengkaji akan menganalisis peribahasa berobjekkan burung serta menyelami akal budi masyarakat Melayu. Perbincangan dilakukan ke atas data peribahasa berobjekkan burung yang telah dipilih serta melalui proses pengkategorian peribahasa. Rajah 3.1 di bawah menunjukkan langkah Kesemua data kajian akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan dibantu oleh subkonsep rangka rujuk silang (RRS) seperti yang dijelaskan oleh rajah di bawah.



Rajah 3.1 Pendekatan Semantik Inkuisitif

Maklumat yang terkandung di dalam rajah di atas menunjukkan bahawa proses penganalisisan data akan melalui tiga tahap yang berbeza. Bagi tahap pertama, data peribahasa yang dipilih akan membincangkan makna peribahasa secara harfiah. Dalam erti kata lain, pengkaji hanya akan menggunakan pendekatan untuk memahami serta menerangkan maksud luaran peribahasa yang dipilih sahaja. Kemudian, penganalisisan pada tahap kedua, pengkaji menghuraikan makna peribahasa pada peringkat kognitif. Melalui bantuan RRS, setiap peribahasa akan dilihat berdasarkan kognitif masing-masing. Tambahan lagi, penerangan makna peribahasa akan dilakukan berdasarkan data korpus yang diperoleh pengkaji di pengkalan data tersedia. Penggunaan peribahasa dalam data korpus tersebut dihursti dengan terperinci bagi memberi gambaran yang jelas terhadap makna sebenar peribahasa tersebut. Selanjutnya, pada tahap ketiga, pengkaji akan memperlihatkan data, kognitif dan juga falsafah serta akal budi yang terkandung dalam data peribahasa tersebut. Berbeza dengan tahap kedua, proses ini menunjukkan bukti konkret bagi perkara-perkara yang abstrak. Kemudian, ciri-ciri objek, cara kehidupan serta habitat objek yang terkandung dalam peribahasa tersebut akan dihursti dengan terperinci, dan mengaitkan logika yang wujud antara satu sama lain. Selanjutnya, pendekatan semantik inkuisitif digunakan bagi menjawab persoalan demi persoalan akan asbab penggunaan burung dalam perlambangan peribahasa tersebut. Tahap pengkajian makna ini juga akan merungkai sebab objek burung tersebut banyak digunakan sebagai perlambangan dalam kebanyakan peribahasa Melayu.

Justeru, proses penghuraian makna, sebab dan punca bakal dilalui berdasarkan tiga tahap analisis yang telah ditetapkan. Sejajar dengan penetapan objektif kajian, peribahasa yang terpilih sebagai data kajian, dianalisis sepenuhnya menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

## DAPATAN KAJIAN

### a) Peribahasa Berobjekkan Burung Pipit

#### Tahap 1: Semantik Skrip

Data peribahasa berobjekkan burung pipit, ‘umpama pipit menelan jagung’, membawa makna seseorang yang mendapat kesusahan apabila cuba meniru atau menyamai kehidupan dan tindakan orang yang lebih kaya, lebih besar ataupun lebih kuat daripada diri mereka sendiri

#### Tahap 2: Semantik Resonans

- i. Sebab itulah kedapatan banyak di antara anak-anak bangsa kita salah duduk. Setengahnya umpama beruk menjala dan setengahnya **\*\*umpama pipit menelan jagung\*\***, motorsikal dan sepatu Barat yang dipakai orang-orang daripada wang yang lebih-lebih daripada simpanannya dicontoh juga memakainya oleh bangsa kita. Tetapi daripada wang terus itu atau daripada wang yang didapati daripada gadaian kampungnya, pada zahirnya sama kuat hentaknya dan sama berdegar-degar bunyinya. Tetapi alangkah jauh beza hakikatnya.

(*Malay Concordance Project*, Mata Pencarian Bangsa Kita Semakin Kuno Jalan Belanja Semakin Moden, 1934)

- ii. Syahdan, perkara yang semacam itu tiada menjadi suatu keberatan kepada orang-orang Melayu. Tinggal yang demikian kerap kali cita-cita yang mulia itu menjadi hampa, yakni tiada berketentuan. Oleh itu, pada fikiran saya, jikalau hendak mulai membuat sesuatu perkara itu, terlebih dahulu hendaklah dibahas-bahaskan dengan akal sendiri. Adakah layak bagi keadaan kita atau tiada dengan hal demikianlah tentu dapat apa kelak kesudahannya, ingat! Jangan cuba **\*\*seperti pipit menelan jagung!\*\*** Kelak berbelakan!

(*Malay Concordance Project*, Sifat-Siat Kemajuan, 1935)

Pendekatan rangka rujuk silang (RRS) bagi peribahasa ‘umpama pipit menelan jagung’ bertujuan untuk membuktikan makna kesusahan yang bakal dialami oleh seseorang sekiranya terlalu mengikut cara, gaya mahupun tindakan orang-orang lebih kaya, besar, berstatus tinggi dan sebagainya. Pembuktian tersebut dianalisis melalui penggunaan peribahasa yang disesuaikan mengikut konteks ayat yang benar-benar mencapai penyampaian makna tersebut.

Berdasarkan data korpus di atas, ayat kedua yang berkedudukan selepas peribahasa menjadi premis tambahan bagi menyenangkan pembaca memahami makna peribahasa yang digunakan. Hal ini demikian kerana ayat tersebut menjelaskan tindakan sebahagian besar anak-anak bangsa kita meniru kekayaan orang lain untuk memiliki motorsikal serta sepatu daripada Barat. Penjenamaan Barat yang digunakan untuk objek motosikal dan sepatu, serta klausa ‘wang yang lebih-lebih daripada simpanannya’ merupakan maklumat tambahan bagi penerangan untuk menggambarkan kekayaan yang ingin diikuti oleh anak bangsa kita sedangkan mereka mempunyai gaya kehidupan sebaliknya.

Namun, pemahaman makna tidak terhenti setakat itu sahaja apabila klausa ‘wang yang didapati daripada gadaian kampungnya’ menjelaskan kesan negatif diterima apabila meniru perlakuan di luar kemampuan diri sendiri. Hal ini demikian kerana, klausa tersebut menyatakan anak bangsa kita sanggup bergadai harta semata-mata untuk merasa kehidupan mewah yang mampu mengenakan pakaian berjenama seperti orang berada. Perbuatan menggadai harta itu jelas menerangkan kesan buruk kerana harta yang dimiliki adalah untuk kegunaan hari tua dan juga mengukuhkan kelangsungan generasi, bukannya untuk bersenang-lenang pada usia muda. Penggunaan peribahasa ini bertujuan untuk menegah perbuatan seseorang berbelanja atau melakukan sesuatu perkara melebihi kemampuan dimiliki sekiranya tidak ingin ditimpa beban dan kesusahan di kemudian hari.

Bagi menguatkan lagi pemahaman makna peribahasa ‘umpama pipit menelan jagung’ ini, pengkaji menganalisis satu lagi data korpus berdasarkan penerapan RRS. Data korpus ini berbentuk teks ucapan bagi sebuah majlis yang menyatakan tentang sifat-sifat kemajuan yang perlu ada dalam diri orang Melayu sekiranya hendak mencapai kejayaan. Bagi petikan ini, ayat-ayat yang hadir terlebih dahulu sebelum penggunaan peribahasa merupakan premis tambahan yang menerangkan makna peribahasa tersebut. Hal ini demikian kerana klausa ‘*Adakah layak bagi keadaan kita*’ menunjukkan persoalan tentang kemampuan seseorang terhadap perkara yang akan mereka lakukan. Bertepatan dengan makna peribahasa apabila kita melakukan sesuatu perkara di luar kemampuan diri sendiri kelak mendapat kesusahan, klausa ini berfungsi sebagai peringatan bagi khlayak pendengar untuk sentiasa mengamalkan sikap ukur baju di badan sendiri. Peringatan ini dikuatkan lagi dengan wujudnya frasa ‘*jangan*’ sebelum menggunakan peribahasa tersebut. Hal ini berikutan makna peribahasa tersebut adalah kesan buruk yang ditanggung oleh seseorang apabila membuat perkara di luar kemampuan diri. Maka, penggunaan kata larangan bertujuan untuk menasihati pendengar supaya tidak terlalu mengikut kehendak hati melebihi sikap rasional memikirkan keupayaan serta kudrat yang dimiliki.

Berdasarkan penerapan RRS dalam tahap kedua ini, maksud peribahasa dapat difahami mengikut kesesuaian penggunaanya berdasarkan konteks tertentu. Hal ini dapat dibuktikan apabila keseluruhan perenggan yang dipetik mengandungi klausa-klausa khusus yang memberi maklumat tambahan untuk memahami dengan lebih jelas maksud peribahasa yang hendak disampaikan. Maka, terbukti bahawa peribahasa ‘*seperti pipit menelan jagung*’ membawa maksud seseorang yang mengalami kesukaran apabila cuba meniru atau menyamai kehidupan dan tindakan orang yang lebih kaya, lebih besar ataupun lebih kuat daripada diri mereka sendiri.

### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Burung pipit ataupun nama saintifiknya *Lonchura Punctulata* merupakan sejenis burung bersaiz kecil yang banyak terdapat di negara kita terutamanya di kawasan lapang dan kawasan tanaman padi. Menurut Tyler dan Stephanie (2004), saiz burung pipit biasanya berukuran antara 16 hingga 21 sentimeter sahaja, namun bagi spesies pipit berekor pendek ukuran panjang badan hanya berukuran 11.5 sehingga 12.5 sentimeter sahaja. Tambahannya lagi, berat bagi seekor burung pipit adalah antara 15 hingga 38 gram sahaja mengikut kelompok keluarga tertentu. Burung pipit adalah sejenis burung kecil yang berleher pendek dan mempunyai ekor serta kaki yang panjang. Selain itu, panjang kuku belakang burung pipit bervariasi mengikut kelompok keluarga, di mana spesies arboreal mempunyai kuku belakang yang pendek dan melengkung jika dibandingkan dengan spesies daratan. Dari segi pengelasan, burung ini merupakan sebahagian daripada kategori Kingdom Animalia, Phylum - Chordata iaitu dalam kelas Aves serta order Passeriformes.

Seterusnya, pipit berasal daripada keluarga Estrildidae yang banyak terdapat di kawasan India, Cina, Asia Tenggara, serta Benua Afrika. Jangka hayat untuk burung pipit adalah sekitar enam hingga lapan tahun bergantung kepada spesies.

Sekilas pandang ada sedikit persamaan fizikal dari segi saiz dan rupa bentuk di antara burung pipit dengan burung gereja (*house sparrow*). Burung Gereja (*Passer domesticus*) dengan burung pipit sebenarnya berada didalam satu ordo yang sama iaitu Passeriformes tetapi dibezakan melalui asal keluarganya (*family*). Selanjutnya, nama lain bagi burung pipit adalah Semprit atau Bondol menurut slanga bahasa Jawa tempatan di Malaysia. Pemilihan jenis burung ini dalam peribahasa ‘seperti pipit menelan jagung’ sudah pasti membawa makna yang tertentu serta pengamatan teliti tentang cara kehidupannya sehingga sesuai untuk dijadikan perlambangan. Hal ini demikian kerana perkaitan burung pipit dalam kehidupan masyarakat Melayu sering kali didengar terutamanya dalam golongan petani yang mengusahakan tanaman padi. Serangan burung pipit di kawasan tanaman padi lebih-lebih lagi di kawasan penanaman padi di luar kawasan jelapang atau kawasan terpencil menjadi satu ancaman kepada pesawah. Selain itu, serangan burung pipit yang tidak dikawal mampu mengurangkan hasil padi seminimum 40% sehingga 70%. Serangan secara berkelompok oleh burung pipit mampu memberikan kerugian kepada pesawah, meskipun hakikat sebenar burung tersebut bersaiz kecil serta mudah diancam haiwan pemangsa lain.

Jika kita perhatikan satu lagi perlambangan yang membantu dalam penyampaian makna bagi peribahasa ini adalah objek jagung itu sendiri. Persoalan yang timbul daripada hadirnya objek jagung dalam peribahasa tersebut adalah pemakanan sebenar burung pipit. Mengapa jagung dikatikan dengan sesuatu yang dilambangkan sebagai kekayaan atau perkara besar yang boleh mendatangkan mudarat kepada burung pipit sekiranya jagung itu ditelan? Maka, pengkaji akan menyorot pemakanan burung pipit dan juga perkaitan jagung sebagai perkara yang melambangkan kekayaan dan perkara besar demi merungkai akal budi Melayu ketika mencipta peribahasa tersebut.

Dari segi habitat, pengkaji mendapati bahawa burung pipit suka tinggal di kawasan yang mudah bagi mereka untuk mencari makanan asasi. Selain itu, burung pipit juga suka tinggal di kawasan terbuka dan terdapat banyak tanaman rumput berbiji seperti sawah padi ataupun padang rumput yang luas. Tambahan lagi, burung pipit membuat sarang untuk berlindung daripada panas dan hujan di atas pokok pada ketinggian lebih empat meter. Antara contoh pokok yang biasanya dipilih sebagai tempat membuat sarang adalah pokok pinang, pokok kelapa atau pokok jambu yang rimbun dan banyak dahan. Lazimnya, burung pipit hidup dalam satu kelompok yang banyak dan di dalam satu kelompok selalunya ada beberapa jenis pipit yang berbeza bergantung kepada lokasi dan juga musim. Kelompok pipit dalam jumlah sangat besar merupakan perosak utama tanaman padi yang merugikan jika serangan berlaku tanpa sebarang tindakan kawalan diambil terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana burung pipit gemar untuk makan biji padi yang masak atau yang digugurkan di atas tanah. Oleh itu, secara semula jadi lazimnya makanan utama burung pipit adalah biji-bijian (*seeds*) seperti padi. Namun beegitu, semasa musim mengawan lazimnya burung pipit akan memakan dedaun hijau dan serangga untuk meningkatkan nutrisi.

Oleh itu, mengapa masyarakat Melayu dahulu mengaitkan objek jagung dengan burung pipit? Pengkaji mendapati bahawa maksud di sebalik pemilihan objek jagung dalam peribahasa ini adalah untuk melambangkan kekayaan. Jika kita bandingkan tanaman padi dan juga tanaman jagung di Malaysia, sudah pasti tanaman padi adalah lebih dominan dan lazim dalam kehidupan

masyarakat Melayu yang bekerja sebagai pesawah. Tambahan lagi, jagung bukanlah makanan asas bagi masyarakat Melayu untuk bergantung hidup kerana mereka lebih memerlukan nasi untuk tenaga yang lebih banyak bagi melakukan pelbagai kerja di kampung. Jagung atau nama saintifiknya *Zea Mays* merupakan sejenis tanaman jangka masa singkat dari keluarga *Poaceae* yang popular ditanam di seluruh dunia. Tambahan lagi, jagung ditanam secara meluas di negara Amerika Syarikat dengan mendominasi 38% pengeluaran di dunia dan beberapa negara pengeluar utama lain seperti China, Brazil, Mexico, Argentina, India, Pakistan dan Perancis dengan purata jumlah pengeluaran sebanyak 9.8 hingga 10.0 juta metrik tan setahun. Pokok jagung adalah tanaman yang mudah mengeluarkan hasil tuaian kerana sangat responsif dengan keadaan tanah, cuaca, pembajaan, serangan perosak dan penyakit. Fakta di atas membuktikan bahawa tanaman jagung di Malaysia sebenarnya dibawa masuk oleh pendatang dari Barat pada ketika zaman negara kita mempunyai campur tangan pemerintahan daripada pihak luar.

Budaya dan pengaruh daripada Barat tidak kira dari pelbagai sudut aspek lazimnya dikatikan dengan sesuatu yang menunjukkan kekayaan. Hal ini demikian kerana harga, nilai serta kualiti yang ada mengatasi segalanya yang berasal daripada tempatan. Terbukti akal budi masyarakat Melayu terdahulu meneliti asal-usul penanaman jagung untuk dilambangkan sebagai sesuatu yang kontra dengan norma kehidupan seekor burung pipit. Justeru, objek burung pipit dalam peribahasa ini merujuk kepada orang Melayu ataupun masyarakat tempatan kerana jenis dan spesiesnya yang banyak terdapat dalam negara kita menunjukkan burung pipit juga merupakan sebahagian daripada masyarakat Melayu. Saiznya yang kecil juga boleh dianggap sebagai perlambangan yang menunjukkan masyarakat Melayu pada ketika itu kerdil dan tidak mempunyai kuasa yang cukup besar untuk menjajah negara, apatah lagi memerintah negara sendiri tanpa campur tangan daripada pihak luar.

Seterusnya, objek jagung diasimilasikan dengan kekayaan kerana asal-usul penanaman ladang jagung di Tanah Melayu pada ketika itu dibawa masuk oleh pendatang Barat. Keperluannya sebagai makanan tambahan dan bukannya dijadikan sebagai kepentingan asas membuktikan objek jagung dilihat pada sudut yang lebih eksklusif dan jarang-jarang digunakan oleh masyarakat Melayu. Maka, frasa kerja ‘menelan’ melengkapkan perlambangan bagi orang biasa yang berkeinginan meniru kehidupan orang yang lebih berada, berkemampuan atau dalam erti kata lebih mudah iaitu hidup serba mewah. Perlambangan yang jelas berdasarkan penggunaan objek dalam peribahasa ini dilihat sesuai dan lazim dengan kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Namun, pemikiran akal budi Melayu tidak terhenti pada tahap itu sahaja kerana perbuatan menelan jagung bagi seekor burung pipit adalah mustahil dan berpotensi besar mendatangkan kesusahan kelak. Hal ini demikian kerana mustahil juga bagi seekor burung pipit yang kecil mampu untuk menelan setongkol jagung yang jauh lebih besar daripada saiz badan pipit itu sendiri. Maka, di sini hadir maksud tersirat bahawa perbuatan meniru kehidupan orang lebih kaya dan besar hanyalah sia-sia sekiranya kita berasal daripada kelompok yang miskin dan juga sederhana. Kehidupan bermewah tanpa memikirkan kemampuan diri kelak mengundang seeorang untuk bergadai harta dan hidup susah di kemudian hari. Sinonim dengan perlambangan bagi seekot pipit yang mungkin mati akibat menelan makanan yang jauh lebih besar daripada kemampuan dirinya meskipun jagung dilihat lebih lazat daripada memakan biji padi.

### b) Peribahasa Berobjekkan Burung Pegar

#### Tahap 1: Semantik Skrip

Data peribahasa yang berobjekkan burung pegar iaitu '*harapkan pegar, pegar makan padi*' bermaksud seseorang yang diharap atau menjadi harapan kita, tetapi akhirnya mengkhianati kita

#### Tahap 2: Semantik Resonans

i.\*\***Kalau harapkan pegar,**

**Pegar pula makan padi,\*\***

Setelah habis dibongkar,

Orang dalam mengkhianati.

(Dewan Bahasa dan Pustaka, Hilmi Rindu, Kumpulan Pantun Setaman,

Pendidikan, 2016)

Kes-kes rasuah melibatkan penjawat awam sentiasa terpampang di dada akhbar. Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 memperuntukkan seorang penjawat awam tidak boleh menyalahgunakan kuasa dan kedudukannya untuk mendapat suapan rasuah, atau tidak boleh terbabit dalam proses membuat keputusan sekiranya menjadi pengurus atau ahli dalam sesuatu mesyuarat yang mempunyai kepentingan. Namun, lain yang diharap, lain yang terjadi. Kata peribahasa Melayu, **\*\*harapkan pegar, pegar makan padi.\*\*** Yang menjatuhkan imej dan merosakkan nama baik perkhidmatan awam rupa-rupanya mereka yang berada dalam kerajaan itu sendiri.

(Dewan Bahasa dan Pustaka)

Tahap kedua dalam analisis semantik inkuisitif sememangnya bertujuan membuktikan makna sebenar peribahasa berdasarkan konteks tertentu penggunaan yang diperoleh daripada pengkalan data. Pengadaptasian RRS juga membantu pengkaji untuk merungkai makna peribahasa serta menilai konteks penggunaan dengan lebih kritis. Justeru, pengkaji masih menggunakan pendekatan RRS untuk meneliti peribahasa '*harapkan pegar, pegar makan padi*' yang bermaksud orang yang selama ini kita harapkan rupa-rupanya berniat jahat untuk mengkhianati kita.

Data korpus pertama merupakan serangkap pantun yang diperoleh daripada pengkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka. Pantun ini terkandung dalam sebuah penulisan antalogi yang bertajuk Kumpulan Pantun Setaman. Jika kita perhatikan, kedudukan peribahasa dalam pantun empat kerat ini terletak pada dua baris pertama yang dikenali sebagai baris pembayang. Namun, kedua-dua baris pembayang dan juga makna mempunyai jalinan makna serta mesej yang sama untuk disampaikan. Pengkaji mendapatkan dua baris makna dalam pantun di atas merupakan premis tambahan yang menerangkan maksud peribahasa yang terkandung di dalamnya. Baris ketiga bagi pantun di atas sebenarnya menunjukkan kepercayaan yang telah diberikan kepada seseorang untuk menggalas amanah pada satu tempoh tertentu. Hal ini demikian kerana frasa 'setelah' menunjukkan satu keadaan yang mempunyai tempoh atau masa yang tertentu. Frasa 'dibongkar' pula

menunjukkan wujudnya dua kerja yang dilakukan pada satu-satu masa, iaitu menjalankan amanah yang telah diberikan dan merancang perbuatan untuk mengkhianati kepercayaan tersebut.

Selain itu, baris terakhir bagi pantun ini juga berperanan sebagai premis tambahan yang menerangkan makna peribahasa tersebut. Gabungan frasa ‘orang dalam’ menunjukkan seseorang yang disifatkan berada dalam satu kumpulan kerja yang sama dengan kita. Frasa ini juga menunjukkan orang yang mengkhianati amanah yang diberikan sudah tentu merupakan kenalan rapat ataupun pekerja yang sentiasa diberikan harapan untuk menyelesaikan tugas dengan baik. Justeru, data korpus berbentuk pantun di atas menjelaskan makna peribahasa dengan baik meskipun terikat dengan penggunaan kosa kata bagi rima akhir setiap baris. Pengkaji juga memahami makna peribahasa ini yang menyatakan perihal seseorang mengkhianati kenalan, rakan sekerja, ahli keluarga dan lain-lain ketika diberikan amanah untuk menjalankan tanggungjawab tersebut berdasarkan penulisan serangkap pantun ini.

Seterusnya, data korpus kedua juga diambil daripada pengkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka serta dianalisis makna serta konteks penggunaan menggunakan pendekatan RRS. Secara keseluruhan, mesej yang cuba disampaikan melalui petikan artikel di atas adalah merujuk kepada situasi dan realiti bagi sebilangan penjawat awam yang terlibat dengan jenayah rasuah dan perkara ini dianggap menjatuhkan imej perkhidmatan awam. Justeru, pihak yang dasimilasikan dengan perbuatan burung pegar adalah penjawat awam bagi data korpus kedua ini. Hal ini dapat dibuktikan melalui klausula ‘*mereka yang berada dalam kerajaan itu sendiri*’, menunjukkan penjawat awam yang berkhidmat kepada kerajaan serta menjadi contoh kepada masyarakat sebenarnya antara orang yang terlibat dengan gejala rasuah. Dalam erti kata yang lebih mudah, penjawat awam yang diharapkan pihak kerajaan untuk menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat untuk tidak terlibat dengan gejala rasuah mengkhianati amanah tersebut. Melalui pemerhatian data korpus kedua ini, pengkaji dapat simpulkan bahawa ayat yang hadir selepas penggunaan peribahasa merupakan permis yang memberikan maklumat tambahan kepada pemahaman makna peribahasa.

Oleh itu, makna peribahasa ‘*harapkan pegar, pegar makan padi*’ iaitu seseorang yang diharapkan menjadi pengkhianat atau perosak bagi sesuatu perkara tercapai dalam kedua-dua data korpus yang diperoleh melalui pengkala data Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, wujud premis tertentu dalam data korpus di atas yang menjadi penerang serta memberikan maklumat tambahan mengenai makna peribahasa sekaligus memberikan kefahaman yang jelas kepada pembaca akan makna peribahasa tersebut.

### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Analisis semantik inkuisitif dilakukan untuk mencungkil falsafah serta akal budi Melayu dalam mengaitkan kehidupan dan alam sekeliling dalam penciptaan peribahasa. Maka, bagi data peribahasa ketiga iaitu ‘*harapkan pegar, pegar makan padi*’, pengkaji akan merungkai makna tersirat bagi penggunaan objek burung pegar sebagai perlambangan dalam peribahasa tersebut. Menurut Shaw (1797), burung pegar ataupun ayam pegar juga dikenali sebagai *Lophura Ignita* dalam dunia saintifik. Selain itu pegar juga turut dikenali sebagai *Crested-Fireback Pheasant* yang dikatakan mempunyai ciri-ciri fizikal mirip seekor ayam kampung. Selain itu, pegar hanya didapati di kawasan Borneo, Sumatera dan juga Semenanjung Tanah Melayu. Seperti dua objek burung yang terkandung dalam peribahasa terdahulu, pegar juga dikelaskan dalam kumpulan Aves dan tergolong dalam keluarga *Phasianidae* seperti burung kuang dan juga ayam hutan. Tambahan lagi,

ayam pegar memegang status mergastua yang hampir terancam dan dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Menurut Abdul J. (2015) ciri-ciri ayam pegar yang istimewa ialah daging kulit keras berwarna biru nila menutupi mukanya seperti topeng dan juga bulu sejemput di bahagian belakang selangka bagi ayam pegar jantan yang dilihat seakan-akan api marak berwarna merah berlatarkan bulu berwarna biru kehitaman. Menurutnya lagi, mata ayam pegar berwarna merah manakala paruhnya berwarna pucat. Selain itu, ayam pegar bersaiz antara 55 sentimeter sehingga 70 sentimeter panjang, dengan panjang ekor berukuran antara 15 hingga 30 sentimeter, serta berat badannya dalam lingkungan 1.6 kilogram hingga 2.6 kilogram. Namun begitu, ayam pegar jantan memiliki saiz yang lebih besar berbanding ayam pegar betina. Terdapat perbezaan warna bulu bagi spesies ini mengikut jantinanya, iaitu ayam pegar jantan mempunyai bulu pelepas berwarna biru hitam berkilat seperti baldu yang menutupi tubuhnya serta bulu sejemput di belakangnya yang berwarna merah, manakala ayam pegar betina pula lazimnya mempunyai bulu pelepas berwarna perang membaluti tubuhnya serta mempunyai jalur pendek berwarna putih hitam di dadanya. Terdapat ciri-ciri tambahan untuk membezakan jantina bagi spesies ini iaitu ayam pegar jantan memiliki jambul kembang yang berambu pada bahagian atasnya manakala ayam pegar betina memiliki jambul yang lebih mengucup berambu diujungnya. Oleh kerana lazimnya burung pegar ini berlari dan kadang-kadang sahaja terbang menyebabkan spesies burung ini dianggap sebagai ayam oleh warga tempatan.

Namun begitu, mengapa pencipta peribahasa ini menggunakan pegar sebagai objek perlambangan dalam peribahasa ini? Timbul juga persoalan tentang perkaitan ayam pegar dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu pada ketika itu, sehingga dilihat sesuai untuk dijadikan kiasan dalam peribahasa. Maka, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Melayu terdahulu membela ayam pegar untuk menjaga tanaman padi mereka daripada haiwan perosak seperti burung dan juga tikus. Lazimnya, mereka membela ayam pegar jantan untuk menjaga kawasan tanaman padi oleh kerana sifatnya dominan yang agresif dan garang. Sifat garang dan agresif ini dibuktikan dengan kelakuannya yang akan menyerang sesiapa sahaja yang dianggap musuh, termasuk tuannya sendiri demi melindungi sekumpulan ayam pegar betina berserta anak-anaknya yang sedang membesar. Selain itu, haiwan liar seperti pegar tidak mustahil untuk dijadikan haiwan peliharaan pada zaman dahulu kerana dari segi habitat utama, ayam pegar gemar untuk mendiami kawasan seperti tanah pamah serta kawasan lembangan sungai. Maka, tidak mustahil juga untuk spesies ini tinggal di kawasan tanah pamah sekitar lapangan perumahan dan juga tepian bendang.

Oleh itu, wujud juga perkaitan rapat antara pegar dan juga tanaman padi yang disebabkan oleh tuan kepada burung pegar memberikan mandat untuk menjaga kawasan tanaman padinya. Pengkaji juga melihat kepada pemakanan burung pegar bagi membuktikan biji padi yang dikeringkan juga menjadi sebahagian daripada makanannya. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji mengenai kelakuan dan juga cara ikhtiar hidup burung pegar di Kuala Tahan, Taman Negara Pahang, spesies ini juga lazimnya mendiami kawasan hutan tanah pamah yang banyak ditumbuhi dengan pokok ara dan tepus. Justeru, buah ara nasi atau nama saintifiknya *Ficus Benjamina* yang ranum dan jatuh ke tanah merupakan antara makanan yang digemari oleh burung pegar. Spesies ini juga umumnya dikategorikan sebagai haiwan bersifat omnivor yang memakan daun pucuk muda, bijirin seperti padi, buah-buahan serta haiwan-haiwan kecil seperti siput dan cacing. Justeru, ada benar kaitannya antara burung pegar dan juga padi dari segi pemakanan dan juga peranannya sebagai penjaga sawah padi yang diternak oleh pesawah.

Maka, akal budi Melayu yang dapat dicungkil daripada penciptaan peribahasa ini berdasarkan pengamatan para pesawah yang membela burung pegar untuk dijadikan penjaga tanaman padi mereka. Hal ini demikian kerana tujuan pesawah memelihara burung pegar adalah untuk menghalang haiwan perosak menceroboh kawasan tanaman padi tetapi dianggap mengkhianati tuannya kerana memakan biji padi yang dikeringkan. Perbuatan burung pegar yang patuh akan arahan tuannya menjaga kawasan tanaman padi dan pada masa yang sama burung ini juga pemakan biji padi hasil tuaian tuannya, disamakan dengan perbuatan manusia yang mengkhianati kepercayaan serta harapan yang diberikan oleh seseorang. Pengamatan masyarakat Melayu terdahulu sangat teliti dalam menilai perbuatan dan juga perlakuan burung pegar yang turut memberi kesan kepada kehidupan manusia yang mencari rezeki melalui hasil tuaian padi pada setiap tahun.

Kesimpulannya, akal budi Melayu yang dapat diteroka melalui penciptaan peribahasa '*harapkan pegar, pegar makan padi*' adalah berdasarkan kelakuan burung pegar yang memakan hasil padi tuannya sendiri. Pembuktian melalui habitat sebenar, pemakanan serta hubungan yang rapat antara pesawah dan juga burung pegar dilihat ada kaitan dan relevannya penggunaan objek pegar dan padi dalam peribahasa ini. Pengkaji juga dapat menyimpulkan bahawa pemahaman makna peribahasa ini amatlah mudah sekiranya kita nilai dan perhati sendiri kelakuan burung pegar yang boleh disinonimkan dengan gelagat manusia yang mengkhianati mandat serta harapan yang diberikan oleh seseorang.

## KESIMPULAN

Konklusinya, kajian ini telah membincangkan falsafah dan akal budi Melayu yang tersirat dalam peribahasa Melayu yang berobjekkan burung. Perbincangan akal budi dan falsafah Melayu dalam peribahasa ini berlandaskan aturan objektif yang telah ditetapkan pada peringkat awal kajian. Hal ini penting bagi memastikan kesemua objektif ditetapkan tercapai. Bagi objektif pertama, pengkaji membuat pemilihan dan pengkategorian peribahasa daripada pengkalan data. Peribahasa-peribahasa yang berobjekkan burung dipilih secara khusus dengan menetapkan jenis burung yang hendak dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif iaitu burung pipit, pegar, pungguk dan juga enggang. Tambahan lagi, kesemua peribahasa berobjekkan burung ini diperoleh daripada laman sesawang <http://malaycivilization.ukm.my/>.

Seterusnya, bagi objektif kedua, pengkaji menganalisis makna peribahasa yang berobjekkan 'burung' yang terpilih menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Pengkaji melalui tiga tahap penganalisisan berdasarkan pendekatan ini iaitu tahap semantik skrip, semantik resonans dan juga semantik inkuisitif. Bagi tahap pertama, pengkaji hanya menyatakan makna harfiah peribahasa tersebut manakala pada tahap kedua, pengkaji menerapkan pendekatan RRS yang merujuk kepada dua data korpus yang diperoleh daripada pengkalan data. Makna peribahasa diuraikan dan dinilai berdasarkan konteks yang digunakan dalam data korpus tersebut bagi membuktikan makna sebenar peribahasa terpilih.

Kemudian, objektif terakhir dalam kajian ini iaitu mencungkil falsafah dan akal budi Melayu dalam peribahasa yang berobjekkan 'burung' menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji mendapat objek burung yang terkandung dalam peribahasa yang dipilih mempunyai perkaitan dengan masyarakat Melayu terdahulu. Selain itu, penciptaan peribahasa sebenarnya melalui fasa pengamatan alam sekeliling yang memberi

ilham kepada pencipta peribahasa untuk mengasimilasikan perkara yang diperhati dengan kehidupan manusia. Hal ini bertepatan dengan fungsi peribahasa yang digunakan untuk menasihati, menegur dan memberi pesanan berguna kepada orang lain. Penggunaan perlambangan dalam peribahasa juga merujuk kepada sifat masyarakat Melayu yang bersopan santun dan lebih selesa menggunakan kiasan dalam pertuturan mereka.

Maka, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga objektif yang ditetapkan berjaya dicapai oleh pengkaji melalui kajian ini. Hal ini juga membuktikan bahawa kajian berkaitan peribahasa bukan sahaja boleh dilakukan pada peringkat kognitif sahaja, malahan berpotensi untuk mencungkil makna peribahasa dengan lebih mendalam berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif. Selain itu, pendekatan ini juga berupaya mencungkil bukti konkret yang menjadi punca kepada penciptaan peribahasa yang berobjekkan ‘burung’ ini. Misalnya, peribahasa yang berobjekkan burung secara khusus dalam kajian ini mempunyai justifikasi masing-masing berkenaan kenapa burung pipit, burung enggang, burung pegar dan juga burung pungguk digunakan sebagai perlambangan dalam peribahasa tersebut.

## **RUJUKAN**

- A.W, Hamilton. (1947). *Malay Proverbs-Bidal Melayu*. Third Edition. Sydney: Australasian Publishing Corporation.
- Abdul J. (2015). Konservasi - Ayam Pegar Makan Padi? Dewan Kosmik. Bil 5 2015.
- Abdullah Hussain. (2003). *Kamus Simpulan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain. (2007). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Pemuliharaan Hidupan Liar. (2010). Undang-Undang Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aves Melalui Perspektif Semantik Inkuisitif. *Multi-Disciplinary Research Journal*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Bailey, K. D. (1984). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur
- Harun Mat Piah. (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hassan Ahmad. (2003). Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Bin Hamid. (2015). Akal Budi Melayu dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu*. Bil. 14(2) 2015
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2017). Elemen Dualisme dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2017). Refleksi Dualisme ‘Durian-Timun’ Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*. Vol.21 (2). Persatuan Linguistik Malaysia.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2018). Refleksi Gastronomi Dalam Komunikasi: Analisis Semantik Inkuisitif. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 34(1) 2018: 185-201. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Nor Sahfiq & Julaina Nopiah (2020). Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.

- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*. 4 (1). pp. 31-42. ISSN 2289-1706.
- Junaini Kasdan. (2015). *Unsur Asam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Seminar Meja Bulat ‘Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur’. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Kim Hui. (2002). *Budi as The Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*. Germany: Faculty of Oriental Studies, University of Hamburg.
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2018). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. Volume 16 (No. 2) 227-253. Sarawak: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Ghani. (2003). Peribahasa Menjana Minda. Singapura: S-One Consultant.
- Mohd Shafie Abu Bakar. (1991). *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. (2004). *Meraih Ruang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Zaid Bin Daud. (2020). Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). *Gallus Gallus Domesticus dan Paradoxurus Hermaphroditus dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. Sarawak: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2006). Budaya Penyelidikan dan Penerbitan Bertamadun: Satu Sinergi. *GEMA Online Journal of Language Studie*. 6, 49-64.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Peribahasa ‘Parasit’ dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Seminar Bahasa dan Sastera 2015*. pp. 281-293. Bangi: Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Izzati Bt Rozman & Nor Azilawati Bt Mohd Noor. (2018). Semantik Inkuisitif Analisis ‘Belut’ dalam Peribahasa Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Second Edition. Sage Publications, Inc.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Taylor & Bogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second edition. Toronto: John Wiley and Sons.
- Tyler & Stephanie (2004). Family Motacillidae (Pipits and Wagtails). Barcelona: Lynx Edicions.
- Za‘ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nor Sahfiq & Julaina Nopiah (2020). Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.